



---

## **TEKS UCAPAN**

**YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR**  
**MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN**  
**KERAJAAN TEMPATAN**

**MAJLIS RAMAH MESRA YB MENTERI**  
**SEMPENA SAMBUTAN HARI INOVASI KPKT**  
**TAHUN 2017**

Tarikh : 7 November 2017 (Selasa)

Masa : 11.00 pagi

Tempat : Dewan Kristal, Aras B1, KPKT

---

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

**SALUTATION:**

**Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique,**

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek**

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**YBrs. Dr. Mary Wong Lai Lin**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Pembangunan)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**YBrs. Encik Zamri bin Salleh**

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**YBrs. Encik Khairul Dzaimee bin Daud**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Tuan-Tuan, Puan-Puan, hadirin yang saya hormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia Negaraku**

**Yang berusaha saudara/ saudari Pengacara majlis,**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua, maka kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Ramah Mesra YB Menteri Sempena Sambutan Hari Inovasi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Tahun 2017. Perhimpunan pada kali ini amat bermakna untuk saya jadikan platform utama untuk bersama warga KPKT dalam membudayakan inovasi dalam kalangan kita khususnya dan juga peluang untuk saya berkongsi idea dan hasrat Kerajaan memberikan penyampaian yang cemerlang demi Kesejahteraan Rakyat.
  
2. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa pengajur daripada Sektor Dasar dan Pembangunan kerana telah bekerja keras untuk menganjurkan majlis pada hari ini. Majlis seumpama ini wajar diteruskan agar tidak wujud jurang di antara Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi Kementerian dengan warga KPKT secara menyeluruh.

**Yang Berhormat Datuk, Dato' Sri/Dato'-dato'/tuan-tuan/puan-puan,**

## **SOROTON BAJET 2018**

3. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada 27 Oktober 2017 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah dengan jayanya membentangkan "**IBU SEGALA BAJET**" iaitu Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2018 di Dewan Rakyat yang bertemakan "**Memakmur Ekonomi yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50**".
4. Sesungguhnya pada pandangan peribadi saya, Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri telah terhimpun dan terungkap di dalamnya pelbagai premis yang menjadi asas kepada sebuah **Bajet yang Komprehensif**, yang mengambil hitung seawal kepentingan bayi yang masih dalam kandungan sehingga lahir ke dunia ini, sampailah urusan masa hadapan negara.
5. Bajet 2018 telah memperuntukkan sejumlah **RM280.25billion** yang mencakupi **peruntukan mengurus sebanyak RM234.25billion** dan **RM46billion** bagi perbelanjaan

**pembangunan** termasuk simpanan luar jangka sebanyak **RM2bilion**. Dianggarkan bagi tahun 2018, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan mencecah RM239.86 Bilion. Kerajaan amat komited untuk melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dan memastikan kedudukan kewangan Kerajaan terus kukuh serta paras hutang kekal rendah bagi tempoh jangka sederhana dan panjang.

6. Bajet 2018 ini disusun sebagai satu dokumen pelonjak kepada pembikinan sebuah negara Bangsa Malaysia untuk tempoh 30 tahun mendatang yang akan dicorak semula di atas kanvas yang lebih baharu berdasarkan **Kerangka Maqasid Syariah**. Kerangka tersebut menetapkan bahawa apa juar perancangan pembangunan mestilah mengambil kira kepentingan lima (5) tunjang utama dalam kerangka Maqasid Syariah. Pelaksanaan ini juga mempunyai silang kait strategik antara Maqasid Syariah dengan penghayatan Wasatiyyah. Saya kira, tiada negara dalam dunia ini yang begitu holistik perencanaan pembangunannya dalam memastikan keadilan sosial dipelihara. Melalui Bajet 2018 ini, dapat dilihat bahawa semua lapisan masyarakat yang berbilang kaum dapat menikmati dan berkongsi kesejahteraan serta kemakmuran negara ini.

7. Dalam konteks KPKT, Bajet 2018 menunjukkan peningkatan terhadap peruntukan yang bakal diterima terutamanya dalam

sektor **Perumahan** di mana Kerajaan akan merancakkan lagi usaha pemilikan rumah untuk rakyat. Selain itu, di bawah pucuk pimpinan semasa, kebijakan dan kepentingan penjawat awam sentiasa diambil perhatian serius. Demi menghargai sumbangan, iltizam dan kerja keras 1.6 juta penjawat awam, kemudahan-kemudahan berikut diberikan bertujuan meningkatkan lagi motivasi penjawat awam antaranya adalah:

- 7.1 Bayaran Khas sebanyak RM1,500.00 kepada semua penjawat awam dengan dibayar secara dua kali iaitu pada awal tahun dan menjelang Aidilfitri tahun hadapan;
- 7.2 kenaikan pangkat *time-based* kali kedua bagi kumpulan pelaksana untuk tempoh 13 tahun selepas kenaikan kali pertama;
- 7.3 Penjawat awam yang dibersaraskan atas sebab kesihatan akan menerima faedah persaraan seolah-olah pegawai berkhidmat sehingga umur bersara wajib;
- 7.4 Kemudahan tujuh (7) hari cuti rehat tanpa rekod sepanjang tempoh perkhidmatan bagi menunaikan umrah;

- 7.5 Kerajaan menambah satu lagi Waktu Kerja Berperingkat iaitu mulai jam 9.00 pagi sehingga 6.00 petang;
- 7.6 Meningkatkan kelayakan cuti bersalin daripada 300 hari kepada 360 hari sepanjang perkhidmatan;
- 7.7 Menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat dengan melaksanakan Kursus Sarjana dan PhD secara *in-house* di mana Kementerian boleh menjalin kerjasama dengan pihak universiti untuk menyediakan kemudahan kepada penjawat awam untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi; dan
- 7.8 pemanjangan kemudahan perubatan untuk ibu dan bapa kepada pesara Kerajaan.

8. Sudah terang lagi bersuluh, Bajet 2018 ini mencipta sejarah sebagai sebuah Belanjawan yang paling inklusif pernah dibentangkan. Belanjawan ini dipacukan dengan perubahan-perubahan di peringkat global dan nasional tetapi dalam masa yang sama membawa juga inisiatif-inisiatif penekanan terhadap

kebijakan dan kesejahteraan rakyat seluruhnya. Sebagaimana ucapan YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2018 yang lalu, Kerajaan sentiasa berusaha ke arah membentuk sebuah negara bangsa yang bukan sahaja hebat fizikalnya, bahkan kaya jiwa dan kaya pekertinya iaitu ***Par Excellence Duniawi dan Par Excellence Ukhrawi***. Justeru, adalah amat penting untuk rakyat seluruhnya terus menerus mendukung dan membantu Kerajaan sekarang untuk memberikan yang terbaik demi kemajuan dan kesejahteraan negara.

**Yang Berhormat Datuk, Dato' Sri/Dato'-dato'/tuan-tuan/puan-puan,**

### **“KPKT PENERAJU INOVASI BANDAR”**

9. Majlis pada hari ini adalah begitu signifikan kepada Kementerian ini yang sentiasa bekerja keras meningkatkan usaha pembudayaan inovasi dalam kalangan warga KPKT. **Sambutan Hari Inovasi KPKT** pada tahun ini bertemakan “**KPKT Peneraju Inovasi Bandar**”. Tema ini juga selari dengan agenda baru bandar (**New Urban Agenda**). Ia dapat dibuktikan melalui program-program yang telah dilaksanakan seperti Program

MyBeautiful Neighbourhood (MyBN) yang telah menghasilkan impak yang tinggi melalui pendekatan NBOS.

10. Anggota perkhidmatan awam khususnya perlu berfikiran **kreatif**, **kritis** dan **konstruktif** dalam menunaikan tanggungjawab dengan mencari penyelesaian kreatif dan inovatif sehingga menjangkau pemikiran dan keberanian untuk bereksperimen dengan menggunakan kaedah kerja baru di luar kotak kelaziman contohnya membuat penambahbaikan program menerusi **kolaborasi strategik** melibatkan rakyat secara langsung seperti **penglibatan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, NGO** dan sebagainya.

11. Dalam meniti Revolusi Industri 4.0, menjadi satu kerugian besar kepada kita sekiranya budaya inovasi ini dibiarkan. Terdapat banyak ruang inovasi yang boleh diambil peluang oleh warga KPKT khususnya dalam menghasilkan idea-idea baru untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Nilai-nilai kreativiti dan inovasi hendaklah menjadi budaya kerja yang hakiki dan bukannya bermusim atau untuk pertandingan semata-mata.

**Yang Berhormat Datuk, Dato' Sri/Dato'-dato'/tuan-tuan/puan-puan,**

## **RMKe-11 : PELAKSANAAN INOVASI BERIMPAK TINGGI**

12. Pelaksanaan inovasi berimpak tinggi ini juga turut dijelaskan dalam kerangka Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (**RMK-11**). Seperti ucapan YAB Perdana Menteri, **RMK-11 akan membuat perubahan ketara ke arah mencapai matlamat bagi meningkatkan produktiviti dan menjana kekayaan melalui inovasi**. Selaras dengan matlamat tersebut, saya menyeru Kementerian ini untuk bangkit dan berubah ke arah matlamat yang sama. Penghasilan inovasi-inovasi berimpak tinggi dan mampu menjana kekayaan perlu diberi perhatian oleh individu, kumpulan-kumpulan dan warga Kementerian ini.

13. Kita sendiri dapat lihat pada hari ini, banyak kumpulan daripada pelbagai Jabatan dan Bahagian di bawah Kementerian ini berentap untuk anugerah yang dipertandingkan. **Syabas diucapkan!** Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit di Kementerian ini atas komitmen yang sangat baik dalam pembudayaan inovasi di peringkat Jabatan masing-masing.

**Yang Berhormat Datuk, Dato' Sri/Dato'-dato'/tuan-tuan/puan-puan,**

## **PENGIFTIRAFAN INOVASI KPKT**

14. Justeru, bagi mengiktiraf sumbangan warga KPKT dalam penghasilan idea kreatif dan inovatif, hari ini saya difahamkan kita bakal menyaksikan **penyampaian anugerah inovasi dalam enam (6) kategori** yang dipertandingkan iaitu :

- i. **Anugerah Khas Daya Usahan KPKT;**
- ii. **Anugerah Pejabat Terbaik KPKT;**
- iii. **Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK);**
- iv. **Anugerah Tokoh Inovasi KPKT;**
- v. **Anugerah Inovasi Menteri; dan**
- vi. **The Asia Pacific ICT Awards (APICTA)**

15. Pengiktirafan pada hari ini juga diharap menjadi pemangkin kepada usaha-usaha yang lebih cemerlang bagi mencapai kejayaan yang lebih gemilang pada masa akan datang. Saya percaya, kumpulan-kumpulan inovasi yang berada dalam dewan pada hari ini, mempunyai rancangan yang lebih strategik bagi rencana masa depan.

## **PENUTUP**

16. Akhir kata, ucapan penghargaan dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT Tahun 2017 ini.

**Dengan lafaz “*Bismillahhirrahmanirrahim*” saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Inovasi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tahun 2017. “KPKT Peneraju Inovasi Bandar”.**

***Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Sekian, terima kasih.***